

11 JUN 1999

Pemuda-maaf

HISHAMMUDDIN MINTA MAAF KEPADA MEDIA

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Pemangku ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein hari ini memohon maaf kepada semua wakil media kerana meminta mereka keluar dewan dan tidak membuat liputan perasmian Perhimpunan Perkasa Pergerakan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Hishammuddin berkata tindakan meminta wakil media keluar dari Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra bukanlah bermakna Pergerakan Pemuda membenci dan memarahi pihak media.

"Tetapi ini adalah sebahagian daripada kesan, akibat tindakan seorang dua wartawan yang tidak beretika dan berkepentingan politik.

"Saya bimbang tindakan segelintir wartawan jenis ini akan menyebabkan profesion dan kerjaya wartawan dipandang serong dan tidak diminati," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Bagaimanapun, katanya semua ini bukan alasan dan Pergerakan Pemuda Umno yakin lebih ramai wartawan yang ikhlas dan jujur dalam melaksanakan tugas dan bertanggungjawab dalam memastikan negara aman dan stabil.

Beliau juga menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada anggota Pergerakan Pemuda yang berada dalam dewan semalam jelas menunjukkan adalah mudah untuk membakar semangat mana-mana anggota parti.

Dalam masa yang sama adalah sukar untuk membendung dan mengawal tindakan, hasil luapan semangat yang telah menyemarak.

Semalam, sebelum berucap kepada 1,900 anggota pergerakan yang menyertai perhimpunan itu, Dr Mahathir telah meminta supaya ucapan beliau tidak dirakamkan dan pihak media diminta meninggalkan dewan kerana majlis itu tertutup.

Sebelum bermulanya persidangan berita selepas majlis itu, Perdana Menteri menerangkan bahawa beliau terpaksa meminta wakil media meninggalkan majlis itu kerana ada perkara yang hendak dicakapkan itu hanya boleh dibuat pada majlis tertutup bagi mengelakkan beliau dikenakan tindakan saman oleh sesetengah pihak.

-- BERNAMA

ARA RI